

MENGENAL PASTI TAHAP MOTIVASI DAN KECENDERUNGAN
KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PELAJAR SEMESTER AKHIR
IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN MEKANIKAL ; SATU
TINJAUAN DI KUITHO



SITI AICAH BINTI ABD. MUTALIF

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO
3 0000 00077617 3



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN
BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA ♦

**JUDUL : MENGENAL PASTI TAHAP MOTIVASI DAN KECENDERUNGAN
TERHADAP KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PELAJAR SEMESTER
AKHIR IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN MEKANIKAL: SATU
TINJAUAN DI KUITTHO**

SESI PENGAJIAN : 2002/2003

Saya : **SITI AISAH BINTI ABD. MUTALIF (HT010117)**
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan Projek Sarjana ini disimpan di Perpustakaan kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Projek Sarjana adalah hak milik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Projek Sarjana ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI, 1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



Disahkan oleh


(TANDATANGAN PENULIS)


(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap : KG. BINJUL DALAM
09310 KIJALA KETIL
KEDAH

KHAIRUL AZMAN B. MOHD SUHAIMY
Nama Penyelia

Tarikh : 12/3/2003

Tarikh : 12/3/2003


CATATAN :

- * Potong yang tidak berkenaan.
- ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
- ♦ Tesis ini dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik & Vokasional “.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



Tandatangan : 

Nama Penyelia : KHAIRUL AZMAN B. MOHD. SUHAIMY

Tarikh : 12/2/2003 .

**MENGENAL PASTI TAHAP MOTIVASI DAN KECENDERUNGAN
KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PELAJAR SEMESTER AKHIR
IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN MEKANIKAL: SATU
TINJAUAN DI KUITTHO**

SITI AISAH BINTI ABD. MUTALIF

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Laporan Projek Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional


Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn

Mac, 2003



“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya “.



Tandatangan : 

Nama Penulis : SITI AISAH BINTI ABD.MUTALIF

Tarikh : 12/3/2003

PTT ALITHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

Bingkisan Ilmu Ini Kutitipkan Khas Buat:

Ayahanda Dan Bonda

Segala Jasa Dan Bakti,
Tidak Mungkin Terbalas
Walau Dengan Segunung Intan.
Dorongan Kalian Pembangkit Semangatku.

Adik-Adik Tersayang

Yang Terlalu Banyak Menabur Budi

Serta Rakan-Rakan Seperjuangan

Terima Kasih Di Atas Segalanya.....
Tiada Harta Di Dunia Ini Yang Setara Nilainya
Dengan Bakti Kalian.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUN AMINAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah S. W. T. Yang maha pengasih, pemurah lagi maha penyayang. Selawat dan salam ke atas jujungan besar Rasulullah s. a. w. Dipanjatkan rasa penuh kesyukuran kerana dengan izin dan limpah kurniaNya maka terhasillah kajian ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada En. Khairul Azman bin Mohd. Suhaimy di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, galakan serta teguran yang membina sepanjang menyiapkan kajian ini

Sekalung budi dan penghargaan juga ditujukan kepada En. Ahmad Esa selaku penyelia pertama projek ini.

Rakaman penghargaan ini juga ditujukan juga kepada responden yang sudi meluangkan masa menjawab soal selidik dengan ikhlas dan jujur.

Tidak dilupakan kepada semua rakan seperjuangan yang sentiasa memberi galakan, sokongan, bantuan dan dorongan dalam menempuh segala cabaran. Akhir kata, semoga segala usaha dan bakti yang telah dicurahkan diberkati dan dirahmati Allah S. W. T.

Terima kasih

ABSTRAK

Keusahawanan merupakan bidang yang mencabar dan tidak ramai yang mahu menceburi bidang ini terutama lulusan bidang kejuruteraan. Mereka ini mempunyai elemen keusahawanan untuk menjadi usahawan yang berjaya. Oleh itu, timbul persoalan mengapakah pelajar-pelajar ini kurang berminat dengan bidang keusahawanan?. Bersesuaian dengan permasalahan tersebut, kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau tahap motivasi bagi memberikan pendedahan dan menarik kecenderungan pelajar kejuruteraan terhadap bidang keusahawanan. Objektif kajian ini berdasarkan kepada beberapa aspek iaitu tahap pengetahuan keusahawanan, motivasi, kecenderungan terhadap bidang keusahawanan dan keperluan subjek atau elemen keusahawanan dalam jurusan kejuruteraan. Kajian yang telah dijalankan adalah kajian deskriptif berbentuk tinjauan yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan data. Dengan menggunakan persampelan rawak mudah, seramai 99 orang pelajar semester akhir ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal telah dipilih sebagai responden kajian. Instrumen kajian adalah soal selidik dan data-data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science* versi 11.0 untuk mendapatkan nilai min dan peratus. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar-pelajar ini mempunyai kecenderungan terhadap bidang keusahawanan dengan skor min keseluruhan 3.573 dan tahap motivasi keusahawanan yang tinggi dengan skor min keseluruhan 3.965 tetapi kekurangan pengetahuan dalam bidang keusahawanan dengan skor min 3.16. Oleh itu, adalah perlu elemen-elemen keusahawanan diterapkan ke dalam kurikulum kursus kejuruteraan.



ABSTRACT

Entrepreneurship is a challenging field and not many people especially engineering students are interested to join this field. Even though, these students have relevant entrepreneurship elements to make them into a successful entrepreneur. This gives rise to the question of why aren't engineering graduates interested in the stated field?. To solve the problem, this research has been conducted to survey the motivation level influence to engineering students as an exposure and attract their interest about entrepreneurship. The purpose of this research based on a few aspects that are the level of knowledge about entrepreneurship, motivation among the students, enthusiasm and the needs of subject or entrepreneurship element in the engineering course. This research is a descriptive research, which is in term of surveys that use questionnaire as an instrument to get the data. By using easy random sampling, 99 students from the final semester of Bachelor Of Engineering has been chosen as the respondent for this research. The instrument of this research is a questionnaire and the collected data has been analysed by using statistical package for social science version 11.0 to get the min value and percentage. The results showed that the students are interested on entrepreneurship, with mean score at 3.573, the higher entrepreneurs motivated level with mean score at 3.965, but lack of knowledge on entrepreneurs showed the means scores at 3.16 respectively. Therefore, it was recommended that the entrepreneurs element must be included in the curriculum for the engineering courses.



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB I	PENDAHULUAN	
	I.1 Pengenalan	1
	I.2 Latar Belakang Kajian	3
	I.3 Pernyataan Masalah	7
	I.4 Persoalan Kajian	8
	I.5 Objektif Kajian	9
	I.6 Kerangka Teori	10
	I.7 Kepentingan Kajian	11
	I.8 Skop Kajian	12



I.9	Definisi Istilah Dan Operasional	13
-----	----------------------------------	----

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pendahuluan	16
2.2	Konsep Keusahawanan	17
2.3	Pendidikan Dan Pengetahuan Keusahawanan	18
2.4	Motivasi	21
2.5	Minat Dan Kecenderungan	24
2.6	Kerjaya Sebagai Usahawan	26
2.7	Kajian Lepas	29

BAB III METODOLOGI

3.1	Reka Bentuk Kajian	32
3.2	Responden Dan Sumber Data	33
3.3	Instrumen Kajian	34
3.4	Kajian Rintis	37
3.5	Kaedah Analisis Data	38
3.6	Prosedur Kajian	39
3.7	Batasan Kajian	40
3.8	Andaian Kajian	41

BAB IV ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	42
4.2	Analisis Latar Belakang Responden	43
4.2.1	Jantina	43
4.2.2	Bangsa	44
4.3	Analisis Kecenderungan Pelajar Terhadap Bidang Keusahawanan	45

4.4	Analisis Pengetahuan Responden Dalam Bidang Keusahawanan	47
4.5	Analisis Aspek Motivasi Keusahawanan	49
4.6	Analisis Berkaitan Keperluan Subjek Atau Elemen Keusahawanan	51
4.7	Ringkasan	52

BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	54
5.2	Perbincangan	55
5.2.1	Persoalan Kajian Pertama	55
5.2.2	Persoalan Kajian Kedua	56
5.2.3	Persoalan Kajian Ketiga	57
5.2.4	Persoalan Kajian Keempat	59
5.3	Kesimpulan	60
5.4	Cadangan Hasil Kajian	61
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	61

BAB VI REKA BENTUK CADANGAN PRODUK

6.1	Pengenalan	63
6.2	Objektif Produk	64
6.3	Latar Belakang Teori Penghasilan Produk	65
6.4	Reka Bentuk Produk	65
6.4.1	Bentuk Dan Ciri-Ciri Produk	66
6.4.2	Kronologi Pembinaan Produk	66
6.5	Permasalahan Dalam Membina Produk	67
6.5.1	Masa	67
6.5.2	Kemahiran	67
6.5.3	Bahan	68

6.5.4	Kos	68
6.6	Dokumentasi Produk	68
6.7	Cadangan Pembaikan	69

BIBLIOGRAFI	70
--------------------	----

LAMPIRAN	76
-----------------	----



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Skala Likert	36
3.2	Hasil Analisis Alpha Bagi Kajian Rintis	38
3.3	Jadual Tafsiran Min	39
4.1	Skor Min Bagi Soalan Berkaitan Dengan Kecenderungan Pelajar Terhadap Bidang Keusahawanan	45
4.2	Skor Min Bagi Soalan Berkaitan Dengan Pengetahuan Responden Dalam Bidang Keusahawanan	47
4.3	Skor Min Bagi Soalan Berkaitan Dengan Aspek Motivasi Keusahawanan	49
4.4	Skor Min Bagi Soalan Berkaitan Dengan Subjek Keusahawanan	51



PTT AUTHM
 PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Model Motivasi Keusahawanan	23
2.2	Model Of Entrepreneurial Careers	28
3.1	Tafsiran Skala Likert	36
3.2	Prosedur Kajian	40
4.1	Peratusan Jantina Responden	44
4.2	Jumlah Peratusan Mengikut Bangsa	44
6.1	Kronologi Pembinaan Garis Panduan	66



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Penentuan jumlah sampel	76
B	Borang soal selidik	77
C	Keputusan ujian kepercayaan kajian rintis	82
D	Analisis soalan bahagian B	87
E	Analisis soalan bahagian C	90
F	Analisis soalan bahagian D	94
G	Analisis soalan bahagian E	97



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pertambahan dan perkembangan aktiviti yang berkaitan dengan bidang keusahawanan dewasa ini menjadi satu aliran yang berkembang dengan pesat sama ada di dalam mahupun di luar negara. Bidang keusahawanan merupakan penyumbang utama ekonomi negara. Oleh itu, lebih ramai generasi muda perlu melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Ini selari dengan dunia keusahawanan sebagai suatu bidang kerjaya yang cukup mencabar dan memerlukan ramai usahawan yang benar-benar berkeyakinan dan berkemampuan untuk mengharungi cabaran globalisasi masa kini.

Pendidikan Teknik dan Vokasional mampu melahirkan usahawan yang serba boleh dan berdaya saing terutamanya dengan kehadiran AFTA (*Asean Free Trade Area*). Ini adalah kerana seseorang usahawan perlu mempunyai pengetahuan dalam

segala aspek pengurusan dan teknikal bagi membolehkan mereka mampu bersaing dengan lain-lain usahawan dan seterusnya dapat mengukuhkan ekonomi negara. Ini adalah kerana usahawan merupakan penyumbang ke arah pembangunan negara dengan menjanakan semua sumber yang ada bagi menghasilkan keuntungan yang dapat dirasai oleh semua pihak.

Aliran perniagaan masa kini yang terarah kepada penggunaan teknologi dalam pelbagai bentuk perniagaan. Menurut Widad dan Faridah Mariani dalam Suria Md. Yusof (2001), perubahan struktur ekonomi Malaysia telah berkembang dengan pesat dari sebuah negara yang berorientasikan pertanian kepada sektor perindustrian dan kini menuju ke era teknologi maklumat. Kespantasan ekonomi negara telah mewujudkan peluang-peluang kerjaya lebih yang luas.

Zulkifli Senteri dalam Suria Md. Yusof (2001) pula menyatakan bahawa kerajaan sebenarnya telah berjaya mempertingkatkan jumlah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) kepada lebih kurang 18 peratus dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru (DEB). Namun begitu peratusan ini tidak seperti yang diharapkan kerana salah satu sebab DEB tidak mencapai matlamat pembangunan MPPB kerana sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah usahawan kurang mendapat pendedahan awal tentang budaya keusahawanan. Keadaan ini wujud kerana tidak semua usahawan berpeluang mengikuti pendidikan formal atau tidak formal dalam bidang keusahawanan dan juga kerana kurangnya pendedahan tentang bidang ini, terutamanya di kalangan mereka yang tidak berlatar belakangkan pendidikan pengurusan dan perniagaan mahupun keusahawanan.

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan amat menggalakkan penglibatan siswazah untuk melibatkan diri dengan dunia keusahawanan melalui pelaksanaan pelbagai program seperti program Pra Skim Usahawan Siswazah (Pra-SUS) bagi memperluaskan pengetahuan dan pendedahan dalam bidang keusahawanan di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Latihan asas

yang diberi ini merangkumi aspek pengurusan syarikat, pengurusan kewangan dan juga pendaftaran syarikat.

Justeru itu, tumpuan haruslah diberikan kepada pendidikan dan pendedahan terhadap bidang keusahawanan, budaya keusahawanan, program-program latihan dan pembangunan usahawan bagi meningkatkan penyertaan lebih ramai lagi usahawan serta mampu melahirkan usahawan yang berkebolehan serta berdaya saing.

1.2 Latar Belakang Masalah

Kadar pengangguran di kalangan siswazah lepasan universiti dan lain-lain pusat pengajian tinggi pada masa kini amatlah ketara dan semakin meningkat. Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Rakyat bagi tahun 2001 statistik graduan menganggur adalah melebihi 46, 000 orang. Ini adalah kerana persaingan di bidang pekerjaan kini semakin sengit. Di samping itu, faktor pemilihan kerjaya juga menjadi penyebab kepada peningkatan kadar pengangguran di kalangan siswazah ini. Tidak ramai antara mereka yang mahu terlibat dengan bidang keusahawanan ataupun mahu menjadi usahawan kerana meragui keupayaan sendiri dan kurangnya keyakinan diri terhadap kebolehan yang ada. Berdasarkan kepada statistik perangkaan guna tenaga yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Negara bagi suku tahun pertama 2002, menunjukkan peningkatan kadar pengangguran dari 3. 6 peratus pada tahun 2001 kepada 3. 7 peratus bagi suku tahun pertama 2002.

Menurut Yep Putih (1985), golongan muda hari ini keberatan untuk memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya. Mereka masih beranggapan bahawa bidang ini tidak dapat memberikan jaminan masa depan seperti yang boleh diperolehi jika bekerja di sektor awam mahupun swasta.

Di samping itu, pendedahan awal kepada para pelajar yang kurang ataupun tiada langsung semasa di IPTA (Institusi Pengajian Tinggi Awam) ataupun IPTS (Institusi Pengajian Tinggi Swasta), menjadi pendorong kepada ketidakterlibatan mereka dalam bidang keusahawanan. Keadaan ini dapat dilihat melalui pelajar yang bukan dari bidang pengurusan ataupun perniagaan, seperti kejuruteraan dan sebagainya tidak diberikan pendedahan tentang keusahawanan ataupun perniagaan. Ini dapat dilihat juga di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) sendiri yang menawarkan pelbagai kursus teknikal dan kemahiran tetapi tiada satu pun mata pelajaran atau elemen berkaitan dengan keusahawanan dimasukkan dalam sukatan pelajarannya. Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan minat dan keinginan untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan kurang.

Ramai berpendapat memilih bidang pendidikan Teknik dan Vokasional boleh memberi peluang kepada mereka mendapat pekerjaan sebagai jurutera, juruteknik, pembantu juruteknik dan sebagainya sahaja tetapi tidak ramai yang berpendapat ia mampu menjadi seorang usahawan yang berjaya suatu hari kelak. Sebenarnya ramai usahawan berjaya mempunyai latar belakang pendidikan Teknik dan Vokasional di samping ilmu-ilmu keusahawanan. Oleh itu bidang pendidikan Teknik dan Vokasional bukan sahaja memberi ilmu pengetahuan tentang teknikal malah lebih dari itu kerana ia melibatkan semua aspek ilmu pengetahuan seperti ilmu keusahawanan bagi melahirkan lebih ramai usaha sejajar dengan kehendak era globalisasi masa kini.

Pendidikan Teknikal dan Vokasional kini berperanan penting dalam melahirkan usahawan-usahawan yang mampu menguasai semua aspek perniagaan dan teknikal supaya mereka lebih berdaya saing dan berorientasikan teknologi bukannya usahawan yang berorientasikan modal semata-mata tanpa kemahiran tentang sesuatu perniagaan yang diceburinya. Ramai usahawan gagal dalam perniagaan terutamanya usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kerana tidak mampu bersaing dengan syarikat-syarikat yang bersaiz besar khususnya yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam bidang teknikal dan berteraskan teknologi tinggi. Ini berlaku kerana mereka tidak mempunyai suatu bentuk



pendidikan kemahiran teknikal formal, sebaliknya bergantung penuh kepada kerajaan dalam membantu memberikan khidmat nasihat dalam bidang teknikal seperti SIRIM (Institut Standard & Penyelidikan Perindustrian Malaysia), MARDI (Institut Pembangunan Pertanian Malaysia), Kementerian Pembangunan Keusahawanan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan MARA (Majlis Amanah Rakyat).

Menurut Yep Putih (1985), kelulusan akademik dan teknikal bukan menjadi syarat utama untuk berjaya. Ramai orang yang berkelulusan tinggi dan berjaya sebagai pegawai eksekutif di syarikat-syarikat yang besar tetapi gagal mewujudkan dan mengembangkan perniagaannya sendiri. Mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran di bidang-bidang tertentu tetapi tidak mempunyai kualiti-kualiti keusahawanan.

Khairuddin (1996) menyatakan bahawa bidang keusahawanan telah dijadikan sebagai pilihan terakhir atau pekerjaan sementara sahaja. Ini bermakna bidang keusahawanan dipilih setelah gagal mendapatkan pekerjaan lain yang dianggap lebih stabil dan membanggakan. Situasi ini ternyata tidak selaras dengan kehendak dan cabaran yang wujud dewasa ini.

Henderson dan Robertson (1999), berpendapat bidang pengajian yang diikuti oleh pelajar mempengaruhi pemilihan kerjaya. Di samping itu, mereka juga berpendapat pengaruh sekeliling seperti guru, ibu bapa, rakan-rakan dan persekitaran juga turut menyumbang ke arah pemilihan bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya bagi golongan muda.

Menurut Wan Liz Ozman (2000), kelemahan usahawan adalah disebabkan oleh sikap negatif, perniagaan “*Ali-Baba dan Atas Angin*”, rendah kemahiran dalam perniagaan, kurangnya maklumat perniagaan, lemah pengurusan syarikat, masalah kewangan dan pembiayaan dan lemah budaya niaga. Namun begitu kadar kegagalan ini boleh dikurangkan melalui motivasi usahawan yang tinggi. Menurut Ab. Aziz



PTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNJANGAN AMINAH

Yusof (1999), motivasi merupakan “*Driving Force*” yang akan membezakan di antara usahawan yang berpotensi dengan usahawan melepas batuk di tangga, di mana motivasi mampu menjadi desakan ke arah pencapaian.

Steward dan Boyd (dalam Zaidatol Akmaliah, 1993) melaporkan satu hasil penyelidikan yang menunjukkan bahawa 50% daripada usahawan-usahawan yang memulakan perniagaan adalah terdiri daripada mereka yang telah mempunyai pengalaman. Bukti juga telah mendapati bahawa selain faktor-faktor motivasi, modal dan lokasi, pendidikan formal dalam keusahawanan akan membantu seseorang untuk memulakan perniagaan.

Menurut Mohd. Yusop, Ahmad dan Sarebah (2001), dalam kertas kerja bertajuk “kesediaan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi menceburi bidang keusahawanan; satu kajian kes”, menyatakan bahawa sebanyak 80 peratus dari responden kajian tidak mempunyai keyakinan untuk menjadi usahawan berjaya. Oleh itu matlamat utama kajian ini adalah supaya motivasi keusahawanan yang diperkenalkan dapat menimbulkan minat pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan dan seterusnya menanam keyakinan diri untuk menjadi seorang usahawan. Di samping itu kajian ini juga dijalankan untuk meningkatkan tahap keyakinan pelajar bagi menceburi bidang keusahawanan ataupun mahu menjadi usahawan kelak.

Pendidikan keusahawanan yang khusus dalam sesuatu bidang itu akan membantu melahirkan seorang usahawan terutamanya pendidikan Teknikal dan Vokasional kerana ini bukan sahaja melatih tenaga kerja mahir dan separa mahir tetapi juga mampu mendorong minat para pelajar menjadi usahawan. Berdasarkan dapatan kajian oleh Mohammad Kamaluddin *et al.* (1985), mendapati bahawa graduan kejuruteraan Universiti Teknologi Mara (UiTM) lebih cenderung untuk bekerja dengan organisasi-organisasi sedia ada berbanding dengan melibatkan diri sebagai seorang usahawan. Keadaan ini juga berlaku kepada sebilangan besar graduan kejuruteraan KUiTTHO.

Berlandaskan kepada beberapa masalah yang telah dikenal pasti tersebut, kajian dibuat untuk meninjau sejauh mana faktor-faktor motivasi boleh mendorong pelajar-pelajar tahun akhir Kejuruteraan di KUiTTHO untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan ataupun menjadi seorang usahawan kelak. Melihat kepada lulusan KUiTTHO sendiri yang tidak terdedah secara langsung dengan bidang keusahawanan yang menyebabkan kurangnya minat mereka untuk menyertai bidang ini. Oleh itu, adalah perlu bagi mendedahkan pengetahuan tentang keusahawanan ini supaya seiring dengan pengetahuan mereka dalam bidang teknikal agar dapat melahirkan usahawan yang bukan sahaja berpengetahuan dalam satu-satu bidang sahaja malahan mempunyai pelbagai kemahiran.

1.3 Penyataan Masalah

Peratusan penglibatan pelajar ataupun siswazah dalam bidang keusahawanan adalah pada tahap yang rendah berbanding dengan jumlah keseluruhan siswazah, malah kadar pengangguran di kalangan siswazah juga meningkat setiap tahun kerana para siswazah kebanyakannya hanya berharap dapat bekerja dengan sektor swasta mahupun kerajaan dan tidak ramai di antara mereka yang mahu terlibat dengan keusahawanan, ini adalah berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Negara. Walau bagaimanapun wujud juga segelintir mereka yang berkeinginan untuk menjadi usahawan tetapi tidak berkeyakinan dan kurang motivasi diri untuk terlibat dalam dunia keusahawanan. Bakal usahawan perlu mengikuti satu proses sebelum berjaya memulakan perniagaan. Menurut Gibb (MEDEC, 2000), terdapat beberapa tangga yang perlu diikuti untuk membolehkan sesebuah perniagaan itu ditubuhkan. Perkara pertama adalah mencari motivasi untuk berniaga, keduanya mencari idea, ketiga menilai idea, keempat mengenalpasti sumber-sumber, kelima perundingan untuk memulakan perniagaan idea dan keenam memula dan kekal dalam perniagaan. Ini membuktikan bahawa motivasi merupakan faktor pertama dalam diri seseorang untuk mengorak langkah sebagai seorang usahawan. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk memotivasikan pelajar-pelajar agar mempunyai

kecenderungan ke arah keusahawanan, di samping memupuk keyakinan diri untuk menjadi seorang usahawan.

Berdasarkan tinjauan yang dibuat, kadar penglibatan pelajar KUiTTHO yang terlibat dengan keusahawanan adalah pada tahap yang rendah. Kurangnya minat pelajar universiti ini terhadap kerjaya sebagai usahawan adalah kerana mereka tidak pernah terdedah kepada pendidikan keusahawanan secara formal ataupun tidak formal yang kadangkala menjadi pendorong kepada kecenderungan pemilihan satu-satu kerjaya itu. Keadaan ini boleh dilihat dari kursus dan mata pelajaran yang ditawarkan dalam satu-satu peringkat pengajian sama ada diploma, ijazah mahupun sarjana yang tidak mempunyai hubungan langsung dengan keusahawanan. Oleh itu kajian ini dijalankan di universiti ini untuk melihat sejauh manakah faktor motivasi keusahawanan boleh menarik minat dan kesedaran pelajar universiti ini untuk terlibat sebagai seorang usahawan. Tujuannya adalah supaya KUiTTHO bukan sahaja mampu melahirkan graduan yang berketerampilan dalam bidang kejuruteraan ataupun teknikal tetapi juga berupaya menghasilkan pelajar yang berdaya saing dan maju dalam perniagaan terutamanya yang berasaskan kejuruteraan dan teknikal.

1.4 Persoalan Kajian

- 1.4.1 Sejauh manakah kecenderungan pelajar-pelajar semester akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal, KUiTTHO terhadap bidang keusahawanan?
- 1.4.2 Sejauh manakah pengetahuan pelajar-pelajar semester akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal, KUiTTHO dalam bidang keusahawanan?

- 1.4.3 Sejauh manakah faktor-faktor motivasi mendorong kecenderungan pelajar-pelajar semester akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal, KUiTTHO kepada bidang keusahawanan?
- 1.4.4 Sejauh manakah subjek atau elemen keusahawanan perlu diwujudkan bagi pelajar-pelajar semester akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal, KUiTTHO?

1.5 Objektif Kajian


Ramai yang tidak berkeyakinan untuk menceburi bidang keusahawanan kerana menganggap bidang ini sebagai suatu yang sukar dan mempunyai pelbagai halangan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah berkaitan dengan;

- i. Meninjau kecenderungan pelajar kejuruteraan terhadap bidang keusahawanan.
- ii. Meninjau tahap pengetahuan pelajar kejuruteraan dalam bidang keusahawanan.
- iii. Meninjau faktor-faktor motivasi yang mendorong kecenderungan pelajar kejuruteraan dalam bidang keusahawanan.
- iv. Meninjau keperluan subjek atau elemen keusahawanan bagi pelajar kejuruteraan.



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.6 Kerangka Teori



Sumber:

- a) Naffiziger, D. W, Hornsby, J. S. dan Kuratko, D. F. (1994)
- b) Tengku Khairi A. Rahman (2000).

Model motivasi ini berdasarkan keputusan untuk seseorang menjadi usahawan berkaitan dengan motivasi keusahawanan adalah hasil daripada ciri-ciri individu dan persekitaran individu.

Motivasi keusahawanan merupakan pembolehubah bersandar yang mempunyai hubungan yang positif terhadap pembolehubah tidak bersandar. Ciri-ciri individu seperti pengetahuan dan kecenderungan memberikan kesan kepada tahap motivasi seseorang individu itu. Persekitaran individu pula, melibatkan faktor seperti keluarga dan rakan mempengaruhi motivasi individu di dalam memilih kerjaya sebagai usahawan.

Seterusnya, motivasi merupakan faktor pendorong untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan, meningkatkan prestasi dan kejayaan usahawan.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini akan dapat memberi manfaat terhadap beberapa pihak tertentu dan boleh di jadi sebagai rujukan ataupun panduan.

1.7.1 Pelajar

Memberi pendedahan kepada pelajar tentang konsep keusahawanan, di samping menerapkan nilai-nilai keusahawanan kepada pelajar. Kajian ini juga dapat menimbulkan minat kepada pelajar dan meningkatkan bilangan mereka untuk menceburi bidang keusahawanan.

1.7.2 Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO)

Mewujudkan kurikulum pendidikan keusahawanan untuk pelajar-pelajar. Di samping itu, dapat membantu pensyarah mendalami bidang keusahawanan dan memahami budaya keusahawanan serta kepentingannya.

1.7.3 Masyarakat

Kajian ini secara tidak langsung dapat membantu mereka yang ingin terlibat dengan dunia keusahawanan ataupun untuk menjadi usahawan yang berjaya dan dapat menerapkan ciri keusahawanan.

1.7.4 Pengkaji

Menambahkan pengetahuan dan meluaskan kefahaman terhadap kajian yang dibuat. Ia juga memberikan pendedahan tentang senario usahawan hari ini dalam era globalisasi kepada pengkaji.

1.8 Skop Kajian

Pendedahan awal tentang keusahawanan adalah penting untuk berjaya dalam bidang keusahawanan terutamanya bagi mereka yang ingin menceburi bidang tersebut.

- a) Siswazah semester akhir kejuruteraan di KUiTTHO

Dalam kajian ini, pengkaji mengecilkan skop kajian kepada pelajar-pelajar semester akhir Sarjana Muda Kejuruteraan di KUiTTHO, Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Ini adalah kerana IPT ini merupakan salah satu IPT yang menawarkan kursus

dalam bidang kejuruteraan yang tidak menawarkan kurikulum berkaitan keusahawanan.

b) Motivasi keusahawanan

Kajian ini hanya memfokuskan kepada motivasi keusahawanan sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar kejuruteraan di KUiTTHO melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.

1.9 Definisi Istilah dan Operasional

1.9.1 Usahawan

Menurut kamus Dewan (2000), usaha ialah daya terasuk ikhtiar, kegiatan, perbuatan dan lain-lain hal untuk melaksanakan atau menyempurnakan sesuatu. Zimmerer dan Scarborough (1996), pula menyatakan usahawan ialah seorang yang mencipta satu perniagaan baru di mana mereka berdepan dengan risiko dan ketidakpastian ke arah mencapai keuntungan dan pertumbuhan dengan mengenalpasti peluang-peluang dan menggembelngkan sumber-sumber berkaitan.



1.9.2 Keusahawanan

Menurut Hisrich dan Peter (1998), keusahawanan adalah proses membentuk sesuatu yang baru yang ada nilai melalui peruntukkan masa dan tenaga yang perlu, di samping menanggung risiko-risiko kewangan, psikik dan sosial yang mana membawa pulangan berbentuk wang dan kepuasan serta keberkesanan diri. Barjoyai (2000) menyatakan keusahawanan ialah sikap, nilai, pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan seseorang itu mampu dan cekap untuk mencari, mengenal, merebut peluang dan menterjemahkannya kepada strategi-strategi dan usaha pemiagaan bagi mendapatkan keuntungan.

1.9.3 Motivasi

Menurut Mok Soon Sang (2002), motivasi merupakan perangsangan yang membangkitkan dan mengekalkan minat seseorang individu ke arah mencapai sesuatu matlamat tertentu, termasuk mengubah sikap, minat dan tingkah lakunya. Woolfolk (1993), pula menyatakan bahawa motivasi merujuk kepada satu kuasa dalaman yang membangkit, mengarah dan mengawal minat serta tingkah laku manusia.

1.9.4 Kecenderungan

Menurut kamus Dewan (2000), kecenderungan adalah keinginan untuk melakukan sesuatu. Dalam kajian ini kecenderungan bermaksud keinginan dan minat untuk melakukan sesuatu.

Kesimpulannya, dapatlah dinyatakan definisi ini berdasarkan kepada makna dan interpretasi yang diberikan oleh beberapa penulis dan pengkaji, di samping menyesuaikan maksud tersebut dengan kajian yang telah dilaksanakan.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Banyak pihak memperkatakan tentang keusahawanan sama ada dari segi kejayaan, kelemahan, penglibatan, peluang, cabaran, masa hadapan dan sebagainya. Namun begitu, isu yang diperkatakan di sini adalah berkaitan dengan penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan, terutamanya bagaimana aspek motivasi boleh mempengaruhi pelajar menceburi bidang keusahawanan ini. Oleh itu, sorotan kajian ini akan membincangkan tentang penulisan dan kenyataan serta kajian pihak-pihak dan pengkaji sebelum ini tentang bidang tersebut yang berkaitan dengan konsep dan ciri-ciri keusahawanan, motivasi dan pemilihan kerjaya sebagai usahawan.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

2.2 Konsep Keusahawanan

Berbagai-bagai maksud istilah usahawan dinyatakan dari semua pihak yang berkaitan dengan bidang tersebut. Menurut Barjoyai dan Mohd Fairuz (2000), usahawan diterjemahkan secara longgar sebagai “golongan yang berusaha kuat yang boleh meliputi peniaga, pengurusan kakitangan di sektor awam serta swasta, malah melibatkan juga ahli politik”. Mereka juga merumuskan bahawa usahawan mempunyai empat nilai atau sifat pokok iaitu kesemua usahawan ini mempunyai misi hidup yang tinggi, setiap usahawan mempunyai tumpuan kepada pelanggan dan keluarannya, usahawan mempunyai kebolehan untuk melaksanakan inovasi ke atas keluaran dengan cepat dan sempurna serta usahawan sentiasa mempunyai inspirasi diri sendiri yang tinggi.

Wan Liz Omar dan Sulzari (2002), berpendapat bahawa kejayaan seseorang usahawan adalah berdasarkan kepada tahap keupayaan pengurusan, ketinggian daya inovasi, kecekapan menghitung risiko, kecepatan mencekup peluang-peluang, kepintaran membuat keputusan, kemesraan untuk melayan pelanggan dan kekukuhan rangkaian serta keakraban hubungan dengan pembekal dan *stakeholders*.

Ab. Aziz (1999), menyatakan bahawa usahawan adalah individu yang mempunyai kriteria-kriteria tertentu iaitu pencari peluang tanpa tahu penat dan lelah, tidak mengharapkan kejayaan dengan sekelip mata, seseorang yang memperolehi dan menggunakan segala sumber dengan cara paling berkesan, seseorang yang memahami pengurusan strategik dan mengamalkan perancangan strategik, menginsafi dan bersedia mengambil iktibar kesan ke atas setiap perlakuan mereka, menyedari kepentingan sumbangannya kepada masyarakat dan negara, bersedia meletakkan kepentingan masyarakat mengatasi kepentingan peribadi dan akhir sekali adalah meletakkan komitmen yang tinggi untuk mencapai kemajuan yang berterusan. Oleh itu, usahawan adalah terdiri daripada mereka yang memiliki elemen-elemen ini dalam dirinya. Elemen-elemen tersebut mungkin sebahagian ataupun kesemuanya wujud dan terdapat pada diri seorang usahawan.

Ahmad Khamis (1999), pula menggariskan beberapa ciri yang perlu ada pada seseorang usahawan itu untuk berjaya iaitu beriman serta mementingkan ibadah, sentiasa melandaskan amalan kerana Allah S. W. T., berusaha mencapai matlamat, jujur, ikhlas, adil, berorientasi keberkatan, menitikberatkan mutu dalam amalan, kesungguhan dan iltizam dalam amalan seharian, sentiasa berusaha ke arah pencapaian yang terbaik, amanah, sentiasa berdoa, bertawakal, sabar, qana'ah, dermawan, berdisiplin, sistematik dan ciri terakhir yang dinyatakan adalah sanggup berkorban di jalan Allah.

2.3 Pendidikan Dan Pengetahuan Keusahawanan

Pendidikan dan pengetahuan tentang keusahawanan menjadi pendorong dan membantu mereka yang ingin melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Melalui pengetahuan yang ada bakal-bakal usahawan ini lebih berkeyakinan untuk menceburi bidang ini. Menurut Littunen (2000), untuk menjadi usahawan dan bertindak sebagai usahawan merupakan dua aspek yang memerlukan proses pembelajaran keusahawanan bagi mencapai maksud tersebut dan berjaya.

Pendidikan keusahawanan merupakan salah satu faktor yang mendorong penglibatan seseorang individu itu dalam bidang keusahawanan. Kenyataan ini di sokong oleh Aini Hayati *et.al.* (2001), yang menyatakan bahawa usaha perlulah ditumpukan ke arah memupuk semangat keusahawanan dalam diri kanak-kanak di peringkat umur yang masih muda lagi iaitu melalui sistem pendidikan di sekolah dan usaha sama ibu bapa.

Di samping itu, Margaret Jones (May, 2002), pula menyatakan bahawa pendidikan merupakan elemen penting bagi melahirkan usahawan. Antara petikan pernyataan beliau adalah seperti berikut:

“Education is an essential element for creating potential entrepreneurs because they will be better prepared to seize or be aware of opportunities presented to them”.

Kekurangan pengetahuan dan pengalaman boleh menyebabkan masalah dan kejatuhan seseorang usahawan itu. Mat Hassan (1992) menjelaskan bahawa pendidikan sama ada secara formal atau tidak formal boleh membantu kejayaan seseorang usahawan. Pengaruh dan amalan perlakuan sesebuah keluarga atau masyarakat banyak membantu pembentukan sikap seseorang. Pendidikan secara formal cuma untuk mengukuh dan mempertajamkan nilai-nilai sedia ada. Oleh itu, kandungan mata pelajaran di sekolah dan di pusat pengajian tinggi perlu bersepadu yang merangkumi kemahiran, teknikal, pengurusan, komunikasi dan akhlak di samping menerapkan nilai-nilai budaya keusahawanan.

Pendidikan keusahawanan juga mampu memberi pendedahan berkaitan dengan ilmu perniagaan yang perlu diketahui oleh bakal-bakal usahawan supaya mereka tidak mengalami kegagalan dalam perniagaan kelak. Menurut Gary L. Benson (1993), kursus keusahawanan mampu memberikan pengetahuan tentang perniagaan kepada pelajar, seperti pernyataan berikut:

“Entrepreneurship courses help student to know a types of financing from early seed capital financing to initial public offering including asset based financing, venture capital, private placements and governments sources of financing.”

James (1999), juga menjelaskan bahawa peniaga dan usahawan perlu mempunyai serba sedikit pengetahuan mengenai penyata kewangan kerana ini dapat membantu menguruskan tunai dengan baik dan menyediakan pelbagai maklumat seperti jumlah wang yang ada dan keupayaan berbelanja. Selain dari itu, dapat membantu usahawan mengetahui dengan jelas, terutamanya ketika syarikat menghadapi masalah kekurangan sumber kewangan seperti wang tunai dan persiapan



yang perlu dilaksanakan untuk memperbaiki keadaan tersebut serta strategi pelaburan yang sesuai jika terdapat lebih sumber wang tunai.

Baharu (1994), pula menyatakan bahawa latar belakang pendidikan merupakan salah satu orientasi sikap keusahawanan yang mendorong penglibatan di dalam bidang keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar dan mempunyai hubungan tidak langsung dengan keinginan untuk menceburi bidang keusahawanan.

Sullivan (2000), menegaskan bahawa kebanyakan usahawan yang berjaya adalah mereka yang berpengalaman dan berpengetahuan tentang keusahawanan. Kriteria ini membantu bakal usahawan dan para usahawan sedia ada ketika menceburi bidang keusahawanan serta semasa menghadapi masalah berkaitan dengan perusahaan mereka.

Pendidikan Teknik dan Vokasional mampu melahirkan usahawan yang berkemahiran dan berjaya. Ashmore (1990), menyatakan bahawa pendidikan vokasional mampu menyediakan siswazah yang berkemahiran dan juga mampu melibatkan diri dengan keusahawanan. Antara petikan pernyataan beliau:

“Vocational education has always been dedicated to preparing its graduates for employment in the workplace-typically in existing businesses. Students learn job specific and employability skills and are given opportunities to use these skills through work experiences help students form a base of knowledge about the function and operation of a business and develop some level of familiarity and comfort with the business environment-two basic elements of entrepreneurship. Vocational educators have come to recognize that starting a business is a natural outgrowth of vocational skills training.”

Menurut Nur Aishah (2002), seseorang yang mempunyai sikap dan semangat keusahawanan adalah seorang yang sentiasa ingin berjaya dan berusaha bersungguh-

sungguh dalam segala bidang yang diceburi tidak kira sama ada beliau adalah nelayan, guru, juruteknik, pengurus dan peniaga. Secara ringkas, matlamat akhir pendidikan keusahawanan selain daripada untuk menjuruskan seberapa ramai pelajar memilih kerjaya sebagai usahawan dan juga untuk melahirkan satu masyarakat yang memiliki ciri-ciri serta sikap keusahawanan seperti inovatif, kreatif, pengambil risiko, yakin diri, rajin berusaha dan bersemangat dalam bidang yang diceburi.

2.4 Motivasi

Motivasi perlu dimiliki oleh setiap usahawan untuk berjaya atau bagi mereka yang ingin melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Kepentingan dan isu berkaitan dengan motivasi usahawan telah diulas dan dinyatakan oleh pelbagai pihak dalam buku, jurnal ataupun kajian yang telah mereka laksanakan.

Urlacher, L. S. (1999), menegaskan bahawa antara ciri penting usahawan adalah motivasi. Penyataan beliau adalah seperti berikut:

“Entrepreneurs tend to be self-motivated. They have ability to set the alarm clock to relatively early hour to begin the day’s work. In their minds they feel the need to get going because they have so many things that need to be done. A good day ends with “Boy, did I get a lot done today!” not all are workaholics, but many are. In part, this tendency stems from inner drive: by definition, self motivation.”

Menurut Fatin Diana (1999), faktor motivasi menjadi pendorong bagi usahawan wanita untuk mengekalkan perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Motivasi menjadikan usahawan wanita ini sentiasa berusaha untuk mengukuhkan kedudukan mereka dan berusaha lebih gigih. Ini menunjukkan

bahawa faktor motivasi adalah pendorong kepada mereka yang ingin menceburi bidang keusahawanan.

Bradley R. Johnson (1990) mengaitkan faktor-faktor motivasi yang dipelopori oleh David McClelland dengan faktor-faktor yang mendorong seseorang itu menjadi usahawan. Beliau mengatakan bahawa teori *the need of achievement* McClelland berkaitan dengan keusahawanan dengan maksud bahawa setiap orang mahukan diri mereka dikenali sebagai seorang yang berorientasikan pencapaian. Ini disebabkan pencapaian seseorang dipandang tinggi oleh masyarakat barat, selalunya mereka ini dimotivasikan oleh diri sendiri untuk melakukan sesuatu perkara. Oleh itu, untuk menjadi usahawan, seseorang itu perlu mempunyai tahap motivasi yang tinggi bagi mencapai kejayaan.


Khairuddin (1996), menyatakan bahawa bidang keusahawanan bukanlah satu bidang yang boleh diceburi dengan tujuan untuk percubaan. Bidang ini memerlukan dorongan yang kuat sama ada daripada diri sendiri atau persekitaran, di samping mengikuti segala perancangan atau tindakan secara sistematik. Usaha yang dilakukan tanpa perancangan atau matlamat yang jelas boleh mendatangkan mudarat daripada kebaikan. Oleh itu, seorang yang ingin menceburi bidang keusahawanan perlu mempunyai keyakinan diri dan tahap motivasi yang tinggi.

Menurut Adnan (1992), dorongan psikologi boleh menarik seseorang itu untuk menjadi seorang usahawan. Keegoan seseorang untuk melaksanakan sesuatu yang dirasakan adalah ciptaan sendiri merupakan faktor seseorang itu menceburi bidang keusahawanan. Keusahawanan boleh meningkatkan kualiti kehidupan dengan penemuan, menggembelng dan menggunakan sumber-sumber untuk menyumbang ke arah produktiviti yang bermutu dan berkualiti. Ini merupakan salah satu faktor motivasi yang penting sebagai pendorong kejayaan seseorang usahawan.

Motivasi merupakan agen perubahan ke arah kejayaan seseorang itu, terutamanya di dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Mahathir dalam Aminah (Ogos, 2002), menegaskan bahawa tidak ada gunanya menyuruh orang Melayu menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan sekiranya mereka tidak mempunyai daya motivasi niaga yang baik, tidak tahu fungsi dan nilai sistem kewangan kerana keadaan tersebut tidak akan membawa kejayaan kepada usahawan Melayu.

Naffziger, Hornsby dan Kuratko (1994), membentuk satu model motivasi keusahawanan bagi melihat ciri-ciri, sikap, aspirasi dan keputusan individu di dalam perniagaan mereka bagi membolehkan mereka membentuk perniagaan berjaya (Rujuk rajah 2.1).

Rajah 2.1: Model Motivasi Keusahawanan



Sumber: Naffziger, D. W., Hornsby, J. S. dan Kuratko, D. F. (1994).

Rajah 1 di atas menggambarkan bahawa ciri individu, persekitaran dan matlamat merupakan elemen-elemen yang penting di dalam menentukan motivasi usahawan dalam perniagaan. Model motivasi yang dikemukakan juga dikira amat berguna dan boleh dijadikan sebagai panduan kepada mana-mana pihak yang bertanggungjawab menganjurkan kursus kemahiran keusahawanan.

Wan Liz Omar dan Sulzari (2002), menyatakan bahawa seseorang yang menjadi usahawan adalah mereka yang cita-cita besar dan sentiasa ingin memburu kejayaan. Mereka ini mementingkan kecemerlangan dalam apa-apa tindakan yang diambil. Oleh itu, usahawan adalah mereka yang mempunyai motivasi diri yang tinggi untuk berusaha ke arah kejayaan yang diinginkan. Faktor motivasi seperti bercita-cita besar dan keinginan untuk memburu kejayaan secara tidak langsung menjadi pendorong dan penyebab seseorang itu melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.

2.5 Minat/Kecenderungan

Minat merupakan salah satu sebab mengapa seseorang itu menceburi bidang keusahawanan. Oleh itu, minat wajar dipupuk di kalangan para pelajar untuk melahirkan lebih ramai usahawan yang berjaya dan berwawasan. Apabila seseorang itu berminat dan cenderung dengan sesuatu perkara ia akan berusaha untuk mendapatkan ataupun melibatkan diri dengan perkara tersebut. Pendapat ini di sokong oleh pelbagai pihak yang menyatakan bahawa minat adalah antara perkara yang perlu ada pada seorang usahawan.

Noorhaizan (1996), menegaskan bahawa faktor minat mempunyai hubungan dengan penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan. Minat pelajar terhadap keusahawanan menjadi pendorong kepada mereka untuk menyertai dan melibatkan



BIBLIOGRAFI

- Ab. Aziz Yusof , (1999). "Asas-Asas Keusahawanan." Petaling Jaya, Selangor: Prentice Hall (M) Sdn. Bhd. 4-5
- Adnan Alias (1992). "Asas keusahawanan." Kuala Lumpur: Ampang Press. 12-30.
- Ahmad Khamis (1999). "Etika (Pendidikan Moral) Untuk Institusi Pengajian Tinggi". Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Aini Hayati Mohamed *et.al.* (2001). "Pengajian Perniagaan". Petaling Jaya: Laser Press Sdn. Bhd.
- Aminah Haji Hasbullah (Ogos, 2002). "Dilema Melayu Vs Melayu Baru: Satu Penilaian Terhadap Pencapaian Orang Melayu Dalam Bidang Ekonomi Dan Teknologi". *Kertas Kerja Di Simposium Melayu Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ashmore M. C (1990). "Entrepreneurship In Vocational Education". *Vocational Education Journal*. 64 (8). 28-29.
- Baharu Kemat (1994). "Orientasi Sikap Keusahawanan Di Kalangan Pelajar Politeknik Di Malaysia". Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana.
- Barjoyai Bardai (2000). "Keusahawanan Dan Perniagaan" Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 62-160.
- Bradley R. J. (1990). "Toward A Multidimensional Model Of Entrepreneurship: The Case Of Achievement Motivation And The Entrepreneur." *Journal Of Entrepreneurship Theory And Practice*. 14 (3). 39-51.
- Chan, K. K. (1996). "Entrepreneurial Orientation Among Vocational And Technical Students In Kuantan District". Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana.



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

- Fatin Diana Zakaria (1999). "Sejauh mana Faktor Motivasi Menjadi Pendorong Bagi Usahawan Wanita Mengekalkan Perniagaan Industri Kecil Dan Sedcrhana." Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana.
- Fischer, E. (1992). "Sex Differences And Small Business Performance Among Canadian Retailers And Service Providers." *Journal Of Small Business And Entrepreneurship*. 9(4). 2-12.
- Gary L. Benson (1993). "Brief Course Descriptions For Undergraduate Entrepreneurship Courses". *Journal Of International Business And Entrepreneurship*. 2(2). 13-22.
- Gibb W. D. Jr. (1994). "Toward A Theory Of Entrepreneurial Careers." *Entrepreneurship Theory And Praticce*. 19 (2). 7-21.
- Henderson, R. dan Robertson, M. (1999). "Who Want To Be An Entrepreneur? Young Adult Attitudes To Entrepreneurship As A Career." *Journal Of Entrepreneurial Behaviour Dan Research*. 41 (5). 236-245.
- Hisrich, R.D. and Peters (1998). "Entrepreneurship". Fourth Edition: Irwin McGraw Hill.
- Human Hj. Mohamed (2000). "Keusahawanan Di Malaysia" dalam MEDEC. *Asas Keusahawanan*. Shah Alam: Biroteks.
- Huntley, R. L. (1985). "Women Entrepreneurs And Career Choice". Texas woman's University: Ph. D.
- Jabatan Perangkaan Negara (2002). "Laporan Bagi Suku Tahun Pertama".
- Jabatan Tenaga Rakyat (2001). "Laporan tahunan".
- Jack R. F. and Norman E. W. (1996). "How To Design And Evaluate Research In Education". New York: McGraw Hill Inc.



PITTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUKU AMINAH

James McNeill Stancill (1999). "Harvard Business Review. How Much Money Does Your New Venture Need?". United States: Harvard College. 89-116.

Kamus Dewan (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khairuddin Khalil (1996). "Keusahawanan Sebagai Kerjaya." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. 5-26.

Krejcie, R. V. dan Morgan, D. W. (1970). "Determining Sample Size For Research". *Educational And Psychological Measurement*. 30. 607-610.

Lendell K. (1997). "Management By Menu". London: Wiley And Sons Inc.

Littunen, H. (2000). "Entrepreneurship And The Characteristics Of The Entrepreneurial Personality". *International Journal Of Entrepreneurial Behaviour And Research*. 6 (6). 295-310.

Margaret Jones (May, 2002). "Empowered By Choices Of Entrepreneurship; An Intervention For African American Female High School Students Through The My Entrepreneurial Journey (MEJ) Program". The California School Of Professional Psychology At San Francisco Bay Area. Ph. D.

Mat Hassan Esa (1992). "Pelan Induk Budaya Keusahawanan". Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan". Johor:Universiti Teknologi Malaysia.

Mohammad Kamaluddin Mohd. Effendie, et al. (1985). "Bakal Graduan ITM: Penglibatan Dalam Perniagaan Kecil Dan Sederhana". Institut Teknologi Mara.



PTAAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

- Mohd. Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yusop Ab. Hadi, Ahmad Esa dan Sarebah Warman (2001). "Kesediaan Pelajar-Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Menceburi Bidang Keusahawanan: Satu Kajian Kes". *Kertas Kerja Di Persidangan Kebangsaan Pertama Keusahawanan Dan Perniagaan Kecil*. Universiti Utara Malaysia.
- Mok Soon Sang (2002). "Ilmu Pendidikan Untuk KPLI: Kursus Pengurusan Lepas Ijazah". Edisi Kedua. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Naffziger, D. W., Hornsby, J. S. dan Kuratko, D. F. (1994). "A Proposal Research Model Of Entrepreneurial Motivation." *Entrepreneurship Theory And Praticce*. 18. 29-42.
- Noor Aliza Konok (1996). "Faktor-Faktor Penglibatan Orang-Orang Melayu Dalam Bidang Keusahawanan: Kajian Kes Di Sekitar Bandar Alor Setar." Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana.
- Noorhaizan Bekri@Othman (1996). "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Dalam Program Keusahawanan Di Universiti Dan Seterusnya Melahirkan Siswazah Usahawan: Kajian Kes Di Universiti Utara Malaysia." Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana.
- Nur Aishah Buang (Ogos, 2002). "Yang Mana Satu? Pendidikan Perniagaan Atau Pendidikan Keusahawanan Untuk Melayu". *Kertas Kerja Di Simposium Melayu Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Olson, S. F. dan Currie, H. M. (1992). "Female Entrepreneurs: Personal Value Systems And Business Strategies In A Male-Dominated Industry". *Journal Of Small Business Management*. 30 (1). 9-49.
- Praag, C. M. V. dan Ophem, H. V. (1995). "Determinants Of Willingness And Opportunity To Start As An Entrepreneur." *Kyklos*. 48 (4). 513-540.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

- Sudin Haron (1990). "Ke Arah Menjadi Usahawan Berjaya". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Suria Md. Yusof (2001). "Keusahawanan Sebagai Satu Kerjaya: Satu Tinjauan Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Sarjana Muda Kejuruteraan Awam KUiTTTHO". Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Sarjana Pendidikan.
- Tengku Khairi A. Rahman (2000). "10 Mitos Dunia Keusahawanan". Dewan Ekonomi. November 2000. Hlm 17-18.
- Uma Sekaran (2000). "Research Methods For Business: A Skill Building Approach". 3th Edition. United States Of Amerika: John Wiley And Sons, Inc. 308-313.
- Urlacher, L. S. (1999). "Small Business Entrepreneurship: An Ethics And Human Reations Perspective." Upper Saddle River, New Jersey: Prentice Hall. 19-12.
- Wan Liz Ozman Wan Omar (2000). "Mengurus Agenda Abad 21: Cabaran Dan Persiapan Dalam Era Globalisasi." Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- Wiersma, W. (1995). Research Methods In Education; An Introduction. 6 th Edition: London. Allyn and Bacon. 101-430.
- Woolfolk, A. E. (1993). "Educational Psychology". 5th. Ed. Boston: Allyn and Bacon.
- Yep Putih (1985). "Keusahawanan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Young, E. C. dan Harold, P. (1993). "Major Elements In Entrepreneurial Development In Central Mexico." *Journal Of Small Business Management*. 31(4). 80-85.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (1993). "Kemahiran Keusahawanan Dalam Pendidikan Vokasional : Satu Jaminan Kerjaya ". *Jurnal Pendidikan*, Jun 1993, Jilid 37. Bil 78.

Zimmerer, T. W. and Scarborough, N. M (1998). "Essential Of Entrepreneurship And Small Business Management". Second Edition, Prentice Hall.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH